



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### LIMA SOLUSI SYARIKAT TEMPATAN DINOBAT PEMENANG MYHACKATHON 2024 KOHORT 2

---

**KUALA LUMPUR, 10 Disember 2024** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensinya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), hari ini mengumumkan lima (5) solusi daripada syarikat tempatan sebagai pemenang bagi Program MYHackathon 2024 Kohort 2. Pengumuman tersebut dibuat semasa majlis perasmian penutupan program yang disempurnakan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bertempat di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Kuala Lumpur.

Setiap pemenang kohort 2 ini bakal menerima geran bersyarat bernilai sehingga RM250,000.00 untuk melaksanakan pembangunan projek rintis serta akses kepada bimbingan pelaksanaan projek secara *one-to-one* untuk tempoh 12 bulan akan datang. Kesemua pemenang juga bakal bekerja secara rapat dengan pemilik pernyataan masalah bagi memperhalusi rancangan pelaksanaan solusi mereka.

Dalam ucaptama beliau, YB Tuan Chang Lih Kang menyatakan, “Saya amat kagum dengan kualiti idea dan cadangan yang dikemukakan. Inovasi yang diketengahkan bukan sahaja praktikal, malah ia selari dengan keperluan transformasi digital negara. Saya yakin, beberapa inovasi ini boleh dikomersialkan dan dikembangkan pada skala yang lebih besar pada masa akan datang. Dalam konteks ini, program MYHackathon 2024 secara langsung menyokong aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan nilai pembaharuan serta daya cipta manusia dalam mencapai pembangunan berteraskan rakyat.”

“Penggunaan inovasi terbuka dalam menangani isu-isu penting negara merupakan peluang besar untuk merancakkan ekosistem *startup* Malaysia dan meningkatkan kedudukan negara dalam Indeks Inovasi Global (GII). Dengan menggalakkan kerjasama *quadruple helix* antara Kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan komuniti kita dapat bersama-sama menghasilkan penyelesaian inovatif yang berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepat pertumbuhan *startup* tempatan

tetapi juga meningkatkan daya saing ekonomi negara. Melalui inovasi terbuka, kita dapat menarik lebih banyak pelaburan, membangunkan bakat tempatan dan akhirnya meletakkan Malaysia sebagai hab inovasi global. Dengan prestasi terkini, saya yakin sasaran kita untuk mencapai kedudukan 30 negara teratas GII menjelang 2025 mampu direalisasikan,” tambah YB Menteri.

Untuk edisi tahun 2024, MOSTI melalui Cradle telah melancarkan dua kohort dengan tema '**Hackathon Nasional Untuk Malaysia MADANI**', masing-masing pada 23 September dan 25 November. Kedua-dua kohort ini telah mengenal pasti 12 pernyataan masalah mendesak yang diperoleh daripada pelbagai Kementerian, agensi dan kerajaan tempatan. Sebanyak tujuh (7) pernyataan masalah telah diketengahkan untuk Kohort 1 dan lima (5) lagi untuk Kohort 2.

Inisiatif ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan jumlah pertanyaan dan permohonan diterima sebanyak 419 untuk kohort pertama dan 391 untuk kohort kedua, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 810. Selain itu, program MYHackathon 2024 ini telah menerima sebanyak 3.8% (103) permohonan daripada Sabah dan Sarawak untuk kohort pertama, dan 3.9% (101) permohonan untuk kohort kedua. Pemenang cabaran ini akan diberikan peluang untuk membangunkan penyelesaian inovatif dan mengimplementasikannya melalui program rintis selama 12 bulan.

“Kami amat teruja untuk menyaksikan kreativiti, kesungguhan, dan komitmen daripada para peserta kohort kedua Program MYHackathon 2024 dalam mencetuskan inovasi yang mampu menangani cabaran nyata. Sejak pelancaran program ini empat tahun yang lalu, MYHackathon telah berkembang menjadi sebuah platform penting untuk mencungkil bakat terbaik Malaysia, mendorong mereka untuk membangunkan penyelesaian berimpak tinggi yang menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan,” ujar Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle.

“Cradle tetap komited untuk menjadi pemangkin dalam melahirkan generasi inovator yang mampu menjadikan Malaysia lebih progresif melalui misi kami untuk mewujudkan sebuah ekosistem startup yang inklusif dan mampan.”

Sejak dilancarkan pada tahun 2020, Program MYHackathon yang diadakan pada setiap dua tahun telah berjaya mengemukakan solusi inovatif dan berimpak tinggi daripada rakyat Malaysia untuk diadaptasi dan digunakan dalam pelbagai perkhidmatan Kerajaan.

Antara solusi-solusi yang telah berjaya dihasilkan di bawah program ini ialah seperti Gajah Safe Sdn. Bhd. daripada Satok Bridge Digital Sdn. Bhd. yang membangunkan produk teknologi integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dan kamera pengesan untuk mengurangkan konflik diantara hidupan liar dan manusia serta projek *Anti Drone*

*Detection System (DDS)* daripada FlyBots Technology yang mengetengahkan solusi pengawalan pencerobohan dron bagi tujuan mengurang penyeludupan atau tinjauan tidak sah ke kawasan akses terhad.

**# TAMAT #**

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
10 DISEMBER 2024**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Elmy Fairuz Azmi**

Perhubungan Awam & Media  
Komunikasi & Pemasaran Kumpulan  
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)  
[elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my)  
+6012-271 3457

## LAMPIRAN A

Berikut adalah senarai para pemenang MYHackathon 2024 Kohort 2:

Bil.	Pernyataan Masalah	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Pemenang
1.	Sistem Teknologi Penuaan Buah Tandan Segar (BTS) bagi Ketinggian Pokok Melebihi Lima (5) Meter atau Kawasan Berbukit	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	AERIAL WORKS
2.	Sistem Teknologi Pengesanan Kematangan Buah Tandan Segar (BTS) Pada Aras Pokok Berketinggian Melebihi Tiga (3) Meter	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	BeyondVISIBLE
3.	Solusi Teknologi Pencegahan AI Scam Alert bagi Pencegahan Jenayah Kewangan Atas Talian	Pusat Anti Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC)	Leogics Solution
4.	Sistem Dashboard Smart City dengan Modul Sistem Pengurusan Street Lighting dan Pemantauan Lori Pengutipan Sisa Pepejal	Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM)	Electserve
5.	Sistem Intelligent AI Monitoring and Operational Collection Detection	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)	VL JEJAK